

## **KEMAHIRAN HIDUP**

Azizi Yahaya & Gangaoury a/p Chinnapan  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Kemahiran hidup adalah satu subjek yang melengkapkan pelajar dan pengetahuan dan latihan supaya dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan dan alam dewasa yang akan ditempuh nanti. Dengan ini, penjelasan terhadap guru kemahiran hidup dan pengetahuan guru terhadap subjek ini diberikan dalam artikel ini. Latar belakang kemahiran hidup sekolah rendah juga turut disertakan.

*Katakunci :* kemahiran hidup, guru, pengetahuan.

### **Guru Kemahiran Hidup**

Guru merupakan faktor yang terpenting dalam alam pendidikan kerana kejayaan atau kegagalan dalam sesuatu rancangan pendidikan berkait rapat dengan peranan yang dimasukkan oleh guru dalam memberi bimbingan kepada pelajar. Tugas seorang guru juga tidak hanya memberi pelajaran seperti yang tertulis di dalam sukatan pelajaran. Ia juga berkewajipan untuk memupuk minat pelajar kepada pelajaran. Ia juga berkewajipan untuk memupuk minat pelajar kepada pelajaran yang dipelajari. Seseorang guru yang tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan berkesan, melainkan apabila ia mempunyai kemahiran, pengalaman yang luas dalam bidang pelajaran yang diajarnya, dan mengikut kaedah pengajaran yang menarik serta sesuai dengan taraf pencapaian murid.

Menurut Suhaimi (2003), badan-badan yang mengambil guru untuk berkhidmat hendaklah mengenalpasti keperluan ikhtisas dan peribadi guru. Ini termasuklah menyediakan pelbagai kursus dan latihan kepada guru.

Guru yang tidak mempunyai pendidikan yang khusus berkenaan dengan guru yang mempunyai pendidikan yang khusus berkenaan dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup akan menghadapi masalah kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam kerja-kerja amali dan kaedah pengajaran yang berkesan. Pengetahuan guru terhadap mata pelajaran teori dan kemahiran mengajar memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan situasi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

### **Pengetahuan Guru**

Guru ialah alat bantuan pandang dengar yang muncul dalam setiap pelajaran dan mereka diganti kerana mereka sentiasa dikaitkan dengan beberapa pengalaman emosi J.S. Farrant,

(1994). Oleh itu guru perlu memahami dengan jelas sukatan yang berkaitan membolehkan objektifnya tercapai melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Menurut Atan (1990) faktor yang mempengaruhi sikap pelajar atau pengajar dan cara penerimaan pelajar terhadap pendidikan. Berdasarkan pernyataan tersebut kita dapat mengetahui bahawa peranan guru adalah sangat penting dan mereka merupakan elemen utama dalam sesebuah sekolah.

Namun demikian seseorang guru itu perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu yang berkaitan bagi memberi ilmu kepada pelajarnya seperti pendapat J.S Farrant (1994), seseorang guru yang tidak tentu dengan apa yang hendak diajarnya atau yang mana mula mengumpul alat-alat setelah pelajaran bermula, tidak boleh mengharapkan murid-murid berkembang dengan pengajaran yang sedemikian rupa. Untuk menyediakan pelajaran yang lebih baik memerlukan fikiran yang dirancang dahulu dan perhatian tentang butir-butir yang lebih lanjut. Oleh itu dapat diperhatikan bahawa kesediaan seseorang guru untuk mengajar satu mata pelajaran adalah penting bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai dan pelajar dapat manfaat daripada kemahiran yang disampaikan.

Awang Had (1980), fakta-fakta ilmu pengetahuan di peringkat sekolah rendah sudah jauh bertambah dibandingkan dengan waktu kita belajar dahulu. Oleh itu guru hendaklah sentiasa menambah dan meluaskan lagi pengetahuan mereka. Guru perlu menguasai pelajaran yang diajar dan dapat meyakinkan murid-murid bahawa ia benar-benar menguasai yang diajarkan tanpa sebarang keraguan dan guru perlu menunjukkan minat di dalam pelajaran yang diajarkan itu.

### **Latar Belakang Kemahiran Hidup Sekolah Rendah**

Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai sesi persekolahan 1990/91. Sebanyak 1000 buah sekolah di seluruh negara sebagai kumpulan percubaan untuk pelajar tahun empat pada tahap dua sahaja. Pada sesi persekolahan 1991/92, sebanyak 3000 buah sekolah lagi telah melaksanakan mata pelajaran ini yang bertindak sebagai kumpulan kedua. Seterusnya bagi sesi 1992/93 mata pelajaran ini diperluaskan ke seluruh negara.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah adalah satu mata pelajaran yang bercorak amali dimana pelajar-pelajar menguasai sesuatu kemahiran melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Kemahiran yang cuba diterapkan ini diharap dapat mereka gunakan dalam kehidupan seharian. Pembelajaran yang mereka lalui ini juga akan membolehkan mereka jadinya sebagai pengalaman yang mendedahkan mereka kepada sifat-sifat inovatif, kreatif dan cenderung kepada reka cipta.

Dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah tumpuan adalah kepada penguasaan kemahiran, khususnya kemahiran asas dan pengetahuan berasaskan teknologi dan keusahawanan supaya mereka dapat menjalankan kerja buat sendiri, merekacipta dan cenderung berusahaniaga serta mengamalkan sikap budaya kerja yang baik. Melalui mata pelajaran ini juga sikap positif dikalangan murid dapat dipupuk. Dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan murid berpeluang mengamalkan budaya kerja yang baik seperti mengutamakan keselamatan, bekerja secara sistematik, berkerjasama, bertanggungjawab dan berdisiplin. Selain itu, Kemahiran Hidup Sekolah Rendah juga dapat memberikan murid ruang untuk mengembangkan imaginasi dan daya kreativiti di samping mendedahkan dan menggalakkan mereka ke arah keusahawanan. Mata pelajaran ini juga member kesedaran tentang perlunya menjaga alam sekitar dan penghargaan terhadap kerja dalam bidang kejuruteraan, reka bentuk dan perniagaan. (Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah, 2002)

“Pendidikan dan latihan akan turut dimajukan dan ditingkatkan bukan sahaja untuk melengkapkan individu dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai tetapi juga untuk melahirkan warga negara yang bertanggungjawab serta mempunyai moral dan nilai etika yang kukuh. Di samping itu program-program berkenaan akan membantu tenaga kerja yang mempunyai kebolehan teknik yang akan meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia.” (Kerajaan Malaysia, 1991. MS 173)

#### Objektif Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah

- a) Mengetahui dan mengamalkan langkah keselamatan semasa membuat kerja
- b) Memilih alatan dan bahan serta menggunakannya dengan teknik yang betul
- c) Melakar bentuk asas secara 2D dan 3D
- d) Memahami fungsi dan bentuk luaran produk
- e) Memasang model set binaan dan mengkaji komponen
- f) Mereka bentuk dan menghasilkan produk yang mudah daripada pelbagai bahan kitar semula
- g) Mengenal pasti komponen elektrik dan elektronik Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah ( KHSR)
- h) Menyenggara dan membaiki kerosakan kecil pada alatan, mesin mudah, perabot dan bahagian bangunan
- i) Membaiki pakaian dan menghasilkan artikel jahitan
- j) Menghasil dan menjaga tumbuhan hiasan memelihara ikan hiasan dan menanam sayuran
- k) Merancang dan mengurus jualan secara teratur serta mengamalkan etika perniagaan
- l) Mengurus kerja, wang dan perbelanjaan dengan berkesan
- m) Mengamalkan sikap pengguna yang bijak dan bertanggungjawab meminati bidang perniagaan
- n) Mengembangkan daya usaha, kreatif dan inovatif
- o) Mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik.

## Rujukan

- Azizi Yahaya, Mohd Anuar Abd Rahman dan Abd Rahim Hamdan (1999). *Satu Penilaian Terhadap Pelaksanaan Program Kemahiran Hidup di Sekolah-Sekolah Menengah Malaysia..* Universiti Teknologi Malaysia : Pusat Pengurusan Penyelidikan
- Baker, Christoper (1982). *School for Advanced Studies*. Bristo: University of Bristo.
- Eh Ah Meng (1994). *Sekolah Dan Bilik Darjah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Harith Liki (1971). *Ask the teacher*. United States: Person Education
- Ibrahim Saad (1990). "Perubahan Pendidikan di Malaysia." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Kerajaan Malaysia (1991). *Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000(RRJP22)*, Kuala Lumpur. Percetakan Kerajaan.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Parkinson,C; Rustomji;Sapre S.E ( 1992 ). "Pengurusan Yang Berkesan".Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.